

Pengaruh Pendidikan Asas Vokasional terhadap kebolehkeraan murid

UB 24.5.2017 B4

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG & Ghazali Sulaiman

KEBOLEHKERAAN

merupakan satu kemahiran selain daripada bidang akademik dan teknikal serta vokasional. Kebolehkeraan ini adalah merujuk kepada kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, memberikan pendapat, berfikir secara kreatif dan kritis, menyelesaikan satu-satu masalah, kepimpinan serta yang berkaitan dan memainkan peranan yang amat penting khususnya dalam kalangan murid sama ada di peringkat sekolah rendah atau pun di sekolah menengah sebelum mereka menjejakkan kaki ke peringkat yang lebih tinggi seperti memasuki institusi pengajian tinggi atau institusi latihan kemahiran.

Menyentuh tentang peranan institusi latihan kemahiran yang diwujudkan oleh pihak kerajaan, melalui transformasi pendidikan vokasional yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), salah satu daripadanya adalah program Pendidikan Asas Vokasional atau ringkasnya PAV yang telah diperkenalkan di beberapa buah sekolah menengah harian terpilih di seluruh negara bermula pada tahun 2012. Menurut Ahmad Tajudin (2012) pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ini berteepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga muda berkemahiran tinggi memandangkan tidak semua murid cenderung ke arah akademik yang lebih berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Ini amat bertepatan dengan kurikulum PAV yang telah digubal antaranya adalah untuk menghasilkan modal insan yang berkemahiran, kritis, kreatif dan inovatif melalui persekitaran pembelajaran berorientasikan pengalaman alam pekerjaan. Empat komponen yang ditekankan dalam kurikulum ini iaitu jati diri, teknologi vokasional, kemahiran vokasional serta kemahiran keusahawanan yang mana keusahawanan itu sendiri merujuk kepada kebolehkeraan. Program PAV ini akan diajar di peringkat menengah rendah bermula dari tingkatan 1 hingga 3. Murid PAV akan mendapat pelaporan deskriptif Pendidikan Asas Vokasional yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan di bawah KPM, berserta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran

(JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam tempoh 3 tahun tersebut.

SKM ini merupakan persijilan kemahiran tunggal dikeluarkan oleh KSM yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) manakala kurikulum SKM dibangunkan berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skill Standard - NOSS) yang ditadbir agensi KSM. Murid yang menamatkan PAV di tingkatan 3 berpeluang meningkatkan tahap kemahiran yang seterusnya seperti di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Latihan Kemahiran Belia Sukan (ILKBS), Kolej Vokasional (KV) dan lain-lain institusi kemahiran (Panduan Pelaksanaan Kurikulum PAV, 2014).

Merujuk kepada pengaruh PAV terhadap kebolehkeraan murid khususnya dalam kalangan murid PAV dapat dizahirkan seperti dalam bidang kokurikulum yang mereka ikuti dan ini akan memberi kesan yang positif sekiranya bidang kokurikulum itu sendiri diuruskan secara sistematik dengan penglibatan pro aktif seperti yang dinyatakan oleh Gordon, Rebecca dan J Duncan (2015) yang telah mengkaji aktiviti kokurikulum pelajar dan keunikannya. Dapatan kajian mereka menunjukkan kesan aktiviti kokurikulum yang pelbagai menggalakkan perkembangan kemahiran dan kualiti diri. Kesan aktiviti kokurikulum ini juga secara langsung berjaya membentuk kebolehkeraan dan memberi pengaruh yang besar kepada murid.

Sementara itu, Rahmah, Ishak dan Lai (2011) dalam kajian mereka mendapati graduan institusi pengajian tinggi perlu dipertingkatkan dari segi kebolehan dan kebolehkeraan bagi memenuhi permintaan pasaran kerja. Pihak institusi pengajian perlu bekerja lebih keras bagi mempertingkatkan kualiti graduan yang dikeluarkan bukannya memberi keutamaan kepada kuantiti graduan dihasilkan. Menurut mereka penglibatan pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan seperti mempertingkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dapat meningkatkan kebolehkeraan dalam diri selain kemahiran interpersonal, kemahiran membuat keputusan, penyelesaian masalah dan kemahiran berfikir. Kesemua kemahiran ini menjurus kepada kebolehkeraan dan sudah pastinya memberi pengaruh yang signifikan terhadap pelajar. Dapatan kajian ini juga sejajar oleh

kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Sattar, Rose Aminah dan Azlin Rohaini (2012) berkaitan kebolehkeraan menunjukkan bahawa majikan meletakkan keutamaan yang penting kepada kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir dan kualiti peribadi yang mana pelajar perlu beri penekanan apabila mereka diambil bekerja dalam industri. Ini membuktikan bahawa pengaruh kebolehkeraan itu memainkan peranan yang amat penting terhadap pelajar apabila mereka bekerja nanti kerana majikan amat menitikberatkannya.

Berdasarkan beberapa kajian di atas, jelas bahawa PAV dapat membina pengaruh yang signifikan terhadap kebolehkeraan murid atau pelajar yang berkualiti seperti dapat berkomunikasi dengan baik, dapat berfikir secara kreatif dan kritis, memberikan pendapat serta mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dan bukan hanya bergantung pada pencapaian bidang akademik semata-mata. Ini selari dengan kajian oleh Nur 'Ashiqin (2011) yang menyatakan kebolehkeraan sebagai kemahiran yang boleh digunakan secara merentas disiplin ilmu atau dalam situasi kerja yang berlainan. Kajiannya juga turut menekankan bahawa pelajar perlu menguasai elemen kebolehkeraan yang terdiri daripada; (i) Komunikasi (ii) Kerja berpasukan (iii) Kepimpinan (iv) Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat (v) Pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah (vi) Keusahawanan (vii) Etika dan moral (viii) Menggunakan teknologi (ix) Kemahiran sosial dan (x) Kerohanian. Kesemua elemen ini merupakan kebolehkeraan yang pastinya dapat memberi pengaruh khususnya dalam kalangan murid PAV untuk mereka aplikasikan dalam pendidikan atau pun dalam pekerjaan kelak.

Secara tuntas, sudah menjadi keperluan agar penawaran PAV di sekolah menengah rendah perlu diperkasakan dan dipromosikan dalam kalangan murid sekolah. Di samping meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat tentang kepentingan dan peranan PAV untuk mencapai status negara maju dan seterusnya menyahut aspirasi negara dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pasca-siswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah